



## **KENYATAAN MEDIA**

### **KARNIVAL KERJAYA KHAS UNTUK GOLONGAN OKU, LEBIH 600 PELUANG PEKERJAAN DITAWARKAN**

**KUALA LUMPUR** – Sebanyak **659** jawatan kosong ditawarkan khusus buat golongan **Orang Kurang Upaya (OKU)** di **Mini Karnival PenjanaKerjaya Kementerian Sumber Manusia Untuk OKU**, anjuran Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Karnival pekerjaan yang berlangsung selama sehari di Wisma PERKESO Kuala Lumpur hari ini merupakan salah satu inisiatif PERKESO untuk membantu golongan OKU mendapatkan pekerjaan melalui sesi temu duga terbuka, sekali gus meningkatkan penyertaan OKU dalam pasaran pekerjaan tempatan.

Pelbagai aktiviti turut mengisi agenda penganjuran Mini Karnival PenjanaKerjaya ini seperti **Bengkel Kebolehpekerjaan** bagi memberi pendedahan awal dan tips menghadapi proses temu duga kepada calon-calon. Selain itu, PERKESO turut menyediakan perkhidmatan **kaunseling kerjaya** dan membuka **kaunter pendaftaran Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara, MYFutureJobs**.

Seramai **sembilan (9)** majikan mengambil bahagian dalam temu duga terbuka ini dengan tawaran gaji di antara **RM1,200** hingga **RM2,000** di beberapa lokasi di seluruh negara. Antaranya ialah McDonald's Malaysia, Alliance MEP Sdn. Bhd., LYF Electronics Trading, Genesis Supplies Sdn. Bhd. dan BPLaz (M) Sdn. Bhd. Sehingga **4 petang** ini, seramai **173** calon telah membuat pra-pendaftaran secara dalam talian, **99** pencari kerja OKU hadir ke mini karnival dan **21** orang berjaya ditawarkan pekerjaan.

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO turut hadir memberi sokongan. Selain melawat tapak mini karnival dan meluangkan masa bersama pencari kerja OKU, beliau juga menyampaikan sijil penghargaan kepada majikan-majikan yang menyertai karnival ini.

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman juga menggesa majikan yang menyertai karnival ini dan yang di luar sana untuk memohon Insentif Pengambilan Pekerja di bawah Program PenjanaKerjaya 2.0 apabila menggajikan pekerja tempatan. Bagi majikan yang menggajikan pekerja OKU atau golongan rentan, mereka layak menerima bayaran **insentif sehingga RM36,000 bagi tempoh maksimum 6 bulan**. Untuk meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja ini, majikan boleh menghantar mereka menjalani latihan di mana **yuran latihan di antara RM4,000 hingga RM7,000** disediakan di bawah program ini.

Buat rakyat Malaysia yang sedang mencari pekerjaan atau ingin meninjau peluang pekerjaan lain, PERKESO menggalakkan mereka segera berdaftar di portal MYFutureJobs menerusi pautan

<https://www.myfuturejobs.gov.my>. Selain itu, pencari kerja juga boleh mendapatkan info dan menyertai program-program temu duga terbuka yang diadakan di semua pejabat PERKESO seluruh negara pada setiap minggu menerusi media sosial rasmi PERKESO dan laman rasmi EIS PERKESO. Bagi sebarang pertanyaan mengenai Insentif Pengambilan Pekerja, boleh terus hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian 03 – 8091 5300 atau e-mail [perkeso@perkeso.gov.my](mailto:perkeso@perkeso.gov.my)

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)**  
**24 Mac 2021**